

DEXA-GENTAMICIN EYE DROPS

Dexamethasone Phosphate/ Gentamicin Sulphate (1mg/5mg per 1ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Dexamethasone
2. Bagaimana Dexamethasone berfungsi
3. Sebelum menggunakan Dexamethasone
4. Cara menggunakan Dexamethasone
5. Semasa menggunakan Dexamethasone
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dexamethasone
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apa kegunaan Dexamethasone

Dexamethasone digunakan untuk merawat jangkitan bakteria yang disertai dengan tindak balas alahan atau keradangan pada mata atau kelopak mata.

Bagaimana Dexamethasone berfungsi

Dexamethasone mengandungi bahan aktif dexamethasone dan gentamicin.

Dexamethasone tergolong dalam kumpulan kortikosteroid yang membantu mengurangkan keradangan, kemerahan dan kegatalan, manakala gentamicin adalah antibiotik yang membunuh bakteria tertentu yang menyebabkan jangkitan.

Sebelum menggunakan Dexamethasone

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan ubat ini jika:

- anda alah kepada dexamethasone atau gentamicin atau bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam maklumat lanjut).

Rujuk kepada doktor anda sebelum menggunakan Dexamethasone.

- Sebelum menggunakan Dexamethasone

Sila beritahu doktor anda jika anda mempunyai sebarang masalah kesihatan.

Tidak boleh digunakan pada kanak-kanak di bawah 8 tahun.

Kehamilan dan penyusuan

Sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda jika anda hamil, merancang untuk hamil atau menyusukan bayi sebelum menggunakan sebarang ubat. Dexamethasone hanya boleh digunakan semasa kehamilan jika manfaatnya lebih daripada risiko kepada janin. Dexamethasone dirembeskan ke dalam susu ibu dan boleh menjejaskan bayi anda. Doktor anda akan membincangkan risiko dan faedah penyusuan susu ibu semasa anda menggunakan Dexamethasone.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk apa-apa yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan, contohnya seperti:

-ritonavir atau cobicistat (ubat yang digunakan dalam rawatan HIV)

Cara menggunakan Dexamethasone

Buka penutup botol ubat. Condongkan kepala ke belakang, tarik kelopak mata bawah ke bawah dan titiskan ke dalam mata. Tutup mata anda secara perlahan. Tutup botol selepas digunakan.

-Berapa banyak harus digunakan

Titiskan 1 titis ke dalam mata yang terjejas.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

-Bila perlu digunakan

Guna 4-6 kali sehari atau seperti diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda. Rawatan dengan Dexamethasone biasanya tidak boleh melebihi dua minggu atau paling lama tiga minggu.

-Jika anda terlupa menggunakan

Titiskan dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan titiskan dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Sekiranya anda menggunakan terlalu banyak

Segera hubungi doktor anda atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat jika anda atau orang lain mungkin terlebih menggunakan ubat. Lakukan ini walaupun tidak ada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera.

DEXA-GENTAMICIN EYE DROPS

Dexamethasone Phosphate/ Gentamicin Sulphate (1mg/5mg per 1ml)

Semasa menggunakan DEXA-Gentamicin

- Perkara yang perlu dilakukan

Gunakan ubat anda seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan DEXA-Gentamicin.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan ambil ubat baharu tanpa berunding dengan doktor atau ahli farmasi.

Jangan berikan DEXA-Gentamicin kepada orang lain, walaupun mereka ada gejala atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Keluarkan kanta lekap sebelum menggunakan DEXA-Gentamicin Eye Drops.

Jika kerengsaan atau tindak balas alahan berlaku, hentikan penggunaan ubat ini dengan segera dan berjumpa doktor secepat mungkin.

Memandu dan mengendali mesin

DEXA-Gentamicin boleh mengganggu penglihatan anda. Pastikan anda tahu bagaimana kesan DEXA-Gentamicin terhadap anda sebelum anda memandu kereta, atau mengendalikan jentera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, ubat ini boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang akan mengalaminya. Sila dapatkan nasihat

doktor atau ahli farmasi anda untuk maklumat lebih lanjut.

Kesan sampingan:

- Peningkatan tekanan dalam mata
- Anak mata membesar
- Kelopak mata atas terkulai
- Kerengsaan mata

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan DEXA-Gentamicin

- Penyimpanan

Jauhkan ubat ini dari capaian kanak-kanak.

Jangan gunakan ubat ini selepas tarikh luput yang tertera pada label kotak. Tarikh luput merujuk pada hari terakhir bulan itu.

Jangan simpan melebihi suhu 25°C.

Anda boleh menggunakan DEXA-Gentamicin sehingga 4 minggu selepas botol dibuka.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

DEXA-Gentamicin adalah cecair jernih dan tidak berwarna yang diisi dalam

botol plastik penitis. Setiap botol DEXA-Gentamicin berisi 5ml larutan.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Setiap ml mengandungi:

1mg Dexamethasone Sodium Phosphate dan 5mg Gentamicin Sulphate (bersamaan dengan 3mg/ml Gentamicin)

- Bahan tidak aktif

Bahan-bahan lain ialah benzalkonium chloride (pengawet), sodium chloride, potassium dihydrogen phosphate, dipotassium hydrogen phosphate, water for injections.

- Nombor MAL:

MAL19988443AZ

Pengilang

Ursapharm Arzneimittel GmbH
Industriestraße
66129 Saarbrücken/ Germany

Pemegang Pendaftaran Produk

Pharmaforte (M) Sdn Bhd
2, Jalan PJU 3/49
Sunway Damansara
47810 Petaling Jaya
Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

17/7/2023

Nombor Siri

NPRA(R4/1)250523/00049